



Bil : 6 / 2025
no. ISSN 1985 7624

buletin salam 2025

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM TERENGGANU

JUN
2025



SIDANG REDAKSI SALAM

PENASIHAT

Puan Nuzulnisa binti Barudin @ Kamarudin

KETUA PENGARANG

Encik Mohd Kamal Afif bin Rameli

PENOLONG KETUA PENGARANG

Encik Mazli bin Che Mamat

Puan Nur Fatihah binti Amran

SIDANG PENGARANG

Sidang Redaksi Salam

GRAFIK

Encik Mazli bin Che Mamat

Encik Mohd Fauzillah bin Md. Jaafar

FOTOGRAFI


Unit Media PPAT

PENERBIT

Sidang Redaksi SALAM

Perbadanan Perpustakaan Awam

Terengganu



© 2025 Hak Cipta Terpelihara

Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dikeluarkan,
ulangkaun, disimpan dalam sistem dapat kembali atau
disiarkan dalam apa-apa jua perkara samada secara
elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain
sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarang.



www.trglib.gov.my



PPATerengganu



@PPATerengganu



PPAT TV



PPATerengganu



terengganulibrary

Salam MAAL HIJRAH 1447H

Kemudian, sesungguhnya Tuhanmu (memberikan pertolongan) kepada orang-orang yang telah berhijrah sesudah mereka difitnahkan (oleh kaum musyrik), kemudian mereka berjihad serta bersabar; sesungguhnya Tuhanmu - sesudah mereka menderita dan bersabar dalam perjuangan - adalah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihi.

An-Nahl · Ayat 110

Ucapan Maal Hijrah 1447H

Alhamdulillah, dengan izin dan rahmat Allah SWT, kita diberi peluang melangkah ke tahun baharu 1447 Hijrah. Maal Hijrah bukan sekadar menandakan pertukaran kalender Islam, tetapi lebih penting lagi, ia menjadi titik muhasabah serta medan memperbaharui azam untuk memperbaiki diri, masyarakat, dan umat secara keseluruhannya.

Hijrah Rasulullah SAW dari Makkah ke Madinah bukan semata-mata perpindahan fizikal, tetapi lambang perubahan menyeluruh ke arah kehidupan yang lebih baik, berprinsip dan bermaruah. Ia adalah asas kepada pembinaan sebuah tamadun Islam yang unggul berteraskan iman, ilmu dan akhlak.

Maka marilah kita bersama-sama menanam semangat hijrah dalam diri — berhijrah dari kelemahan kepada kekuatan, dari perpecahan kepada perpaduan, dan dari kelalaian kepada ketakwaan. Semangat hijrah ini wajar diterjemahkan dalam setiap aspek kehidupan, sama ada peribadi, keluarga, masyarakat maupun pentadbiran.

Semoga tahun baharu ini membawa keberkatan, keselamatan dan kemajuan kepada kita semua, insya-Allah.

Selamat Menyambut Maal Hijrah 1447H.



info umum



KUNJUNG HORMAT PENGETAHUAN PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM TERENGGANU KE PEJABAT ADUN BULUH GADING

5 JUN 2025 | KHAMIS - Pengarah PPAT, Puan Nuzulnisa binti Barudin @ Kamarudin bersama pegawai-pegawai telah mengadakan kunjung hormat ke atas YB Ustaz Ridzuan Hashim ADUN, Buluh Gading (Pengerusi Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu).

Dalam pertemuan itu, kedua-dua pihak telah mengadakan perbincangan berkenaan peluang-peluang yang boleh diwujudkan di PPAT dalam usaha menjadikan perpustakaan sebagai destinasi yang sentiasa dikunjungi masyarakat.

Semoga kunjungan hormat ini akan menjadi pemangkin kepada kemajuan PPAT dimasa-masa akan datang.



info umum

Program Cuti Sekolah Anjuran Pusat Bahasa Terengganu (PBT) – Jun 2025

Pusat Bahasa Terengganu (PBT) sentiasa melaksanakan pelbagai program menarik setiap kali cuti persekolahan. Pada bulan Jun 2025, PBT telah menganjurkan beberapa siri aktiviti khusus untuk kanak-kanak dan remaja, dengan sambutan yang amat menggalakkan.



Antara program yang mendapat permintaan tinggi ialah Program Bahasa Arab Cuti Sekolah, yang telah berlangsung pada 3 hingga 5 Jun 2025. Program yang berkonsepkan didik hibur ini diadakan dari jam 8.30 pagi hingga 12.00 tengah hari, dan melibatkan seramai 50 orang peserta dalam kalangan pelajar sekolah. Aktiviti yang dijalankan memberi penekanan kepada penguasaan asas Bahasa Arab melalui pendekatan interaktif dan menyeronokkan.

Selain itu, pada 21 dan 28 Jun 2025, PBT turut mengadakan Program Hujung Minggu – Bahasa Mandarin yang berlangsung di Ruang Santai Bahagian Kanak-kanak, Perpustakaan Awam Negeri Terengganu (PANT). Program ini memberi pendedahan kepada kemahiran asas bahasa Mandarin dan pengenalan budaya Cina, serta melibatkan antara 30 hingga 40 orang peserta daripada pelbagai peringkat umur.

Manakala pada 25 Jun 2025, PBT telah melaksanakan satu program outreach yang dinamakan 'TLC School Attack' di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Durian Guling, Marang, Terengganu. Program ini dijalankan dari jam 8.30 pagi hingga 1.00 tengah hari, dengan pengisian berbentuk aktiviti berkumpulan dalam Bahasa Arab yang memfokuskan kepada peningkatan kefahaman dan kemahiran pelajar. Seramai 205 orang pelajar telah mengambil bahagian dalam program ini.

Secara keseluruhan, program-program yang dijalankan sepanjang bulan Jun ini telah mencapai objektifnya dalam memberi pendedahan bahasa dan memperkuuh penguasaan pelajar melalui pendekatan yang menyeronokkan dan efektif.



sorotan



PERTANDINGAN SAHIBBA KELUARGA SEMPENA CUTI SEKOLAH PENGGAL I / 2025

4 Jun 2025 | Perpustakaan Awam Negeri Terengganu (PPAT) telah menganjurkan Pertandingan Sahibba Keluarga sempena cuti sekolah penggal pertama yang berlangsung di Ruang Legar PPAT bermula jam 10.00 pagi.



Seramai 16 peserta daripada 8 keluarga telah mengambil bahagian dalam pertandingan ini yang melibatkan kerjasama erat antara ibu bapa dan anak-anak. Program ini bertujuan mengisi masa lapang cuti sekolah dengan aktiviti yang menyeronokkan dan bermanfaat, serta memperkuuh hubungan kekeluargaan melalui permainan bahasa yang mendidik.

Pertandingan Sahibba bukan sahaja menguji kecekapan mengolah perkataan, malah turut memupuk budaya membaca, berfikir secara kreatif, dan menyemai semangat kerjasama dalam kalangan ahli keluarga.



Senarai Pemenang:

JOHAN

- Wan Nur Jannah binti Wan Ahmad Ridhwan
- Nur Mahfuzah binti Noor Affendi

NAIB JOHAN

- Wan Syakir Iqbal bin Wan Saiful Azmi
- Wan Syakir Iffat binti Wan Saiful

KETIGA

- Kamarul Amin bin Abdullah
- Nur Qaisara Aminah binti Kamarul Amin

Pihak PPAT mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua peserta, termasuk penerima hadiah saguhati, atas penyertaan dan semangat yang ditunjukkan. Diharapkan program seperti ini dapat diteruskan sebagai salah satu platform pembelajaran santai yang mempererat hubungan keluarga dan membina minat terhadap ilmu.



#ppaterengganu
#aktivitibppm
#aktivitiippat



PERTANDINGAN MEWARNA SANTAI DEWASA SEMPENA CUTI SEKOLAH PENGGAL I

Pada 5 Jun 2025, bertempat di Dewan Serbaguna, Perpustakaan Awam Negeri Terengganu (PPAT) telah berlangsung satu acara istimewa yang dianjurkan khusus untuk golongan ibu bapa dan penjaga yang hadir menghantar anak-anak ke perpustakaan sempena cuti penggal sekolah. Program ini dikenali sebagai Pertandingan Mewarna Santai Dewasa, dan merupakan salah satu usaha PPAT dalam mempelbagaikan pengisian program keluarga di perpustakaan.

Sepanjang aktiviti berlangsung, terserlah bakat dan kreativiti peserta dalam mewarna lukisan yang telah disediakan oleh pihak pengajar. Seramai 44 orang ibu bapa dan penjaga telah menyertai pertandingan ini, menjadikan suasana lebih meriah dan santai.

Pertandingan yang diadakan dari jam 10.00 pagi hingga 12.00 tengah hari ini memberi kelainan daripada kebiasaan, di mana tumpuan program biasanya diberikan kepada kanak-kanak. Kali ini, giliran ibu bapa pula diberi ruang untuk berkreasi dan bersantai dalam suasana yang positif dan menyeronokkan.

Pihak PPAT merakamkan ucapan tahniah kepada semua peserta, khususnya kepada para pemenang pertandingan, dan berharap program seperti ini dapat diteruskan pada masa hadapan berdasarkan sambutan yang amat menggalakkan.



sorotan

PERPUSTAKAAN TERENGGANU @ READERS' WEEK EXTRAVAGANZA 2.0



16 Jun 2025 | Bertempat di Kafe Utama UniSZA Kampus Utama Gong Badak, Perpustakaan Awam Negeri Terengganu (PPAT) telah menyertai Readers' Week Extravaganza 2.0 (Nusantara Noir) anjuran English Language Society (ELS), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). Program yang bermula pada jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang ini bertujuan untuk mempromosikan budaya membaca serta memperkenalkan pelbagai sumber ilmu kepada warga kampus dan masyarakat sekitar.



Antara perkhidmatan dan tarikan utama yang dibawa oleh PPAT sepanjang program ini ialah pendaftaran keahlian PPAT dan jualan buku-buku menarik dengan diskauan sehingga 40%, eksklusif untuk warga Terengganu.

Sambutan daripada pengunjung amat menggalakkan, dan pihak PPAT merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak pengajur atas jemputan serta semua yang telah singgah dan menyokong booth kami sepanjang hari tersebut.

"Reading is empowering – Let's continue to cultivate a culture of reading wherever we are."

PPAT komited untuk terus menjayakan program-program sebegini dalam usaha memperkasa masyarakat melalui ilmu dan pembacaan.

KUNJUNGAN HORMAT & PENYERAHAN BAHAN DIGITAL OLEH INSPIRE, UniSZA KE PPAT



Kuala Terengganu, 19 Jun 2025 – Perpustakaan Awam Terengganu (PPAT) telah menerima kunjungan hormat daripada Institut Penyelidikan Produk dan Ketamaduan Melayu Islam (INSPIRE), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), bersempena penyerahan bahan digital manuskrip dan kitab nadir hasil kerjasama strategik antara kedua-dua pihak.



Kunjungan ini merupakan lanjutan kepada Memorandum Persefahaman (MoU) yang telah ditandatangani pada 30 Julai 2024, bertujuan memperkuuh usaha pemuliharaan, pendokumentasian dan pendigitalan warisan ilmu negeri Terengganu.



Delegasi INSPIRE diketuai oleh Pengarahnya, Profesor Madya Dr. Mohamad Zaidin Mat @ Mohamad, bersama enam pegawai dan penyelidik. Mereka disambut mesra oleh pihak pengurusan PPAT dalam satu majlis ringkas.



Sebanyak 7 manuskrip dan 9 kitab nadir dari koleksi khas PPAT telah berjaya didigitalkan oleh INSPIRE. PPAT merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada UniSZA atas kerjasama berterusan dan berharap inisiatif ini dapat diperluaskan ke bahan-bahan warisan lain yang mempunyai nilai sejarah tinggi.

Semoga kerjasama ini terus berkembang dan memberi manfaat besar kepada masyarakat, khususnya dalam usaha memelihara khazanah intelektual negeri Terengganu.

*Sumber Berita: BPPM
Sumber Gambar: Unit Media PPAT*

TIP JIMAT TENAGA DIRUMAH



Penggunaan Tenaga

- Kumpul semua pakaian sebelum basuh
- Seterika pakaian sekaligus



Komputer

- Matikan suiz di plag sebelum meninggalkan bilik.
- Pilih komputer riba kerana ia kurang menggunakan tenaga.
- Set peralatan pada sleep mode atau tutup peralatan sekiranya tidak menggunakaninya.



Penyamanan Udara

- Tutup tingkap dan pintu apabila menggunakan penyaman udara.
- Laras suhu pada 24c – 26c.



Peralatan elektrik

- Guna peralatan elektrik yang diperlukan sahaja.
- Matikan suiz dan cabut palam setelah selesai menggunakaninya.



Lampu

- Manfaat cahaya matahari semulajadi.
- Matikan suiz ketika meninggalkan bilik.
- Kurangkan menggunakan mentol tradisional.
- Gunakan mentol yang lebih jimatkan tenaga seperti LED.



SKIM TOU

Skim Masa Penggunaan - *Time of Use (TOU)* ialah penggunaan tenaga elektrik pada waktu di luar puncak yang dapat menjimatkan bil elektrik berbanding ketika digunakan pada waktu puncak.

TEMPOH WAKTU LUAR PUNCAK

Isnin - Jumaat = 10.00 malam - 2.00 petang
Sabtu - Ahad = Sepanjang Hari



lensa

Tarikh: 3 Jun 2025 (Selasa)

Aktiviti Cuti Sekolah

Tajuk Aktiviti: Fun Time: The Racing Rabbits

Penyertaan: 50 orang peserta

Ringkasan Aktiviti:

Sempena cuti sekolah, satu aktiviti riadah bertemakan –The Racing Rabbits – telah dianjurkan bagi mengisi masa lapang peserta dengan cara yang menyeronokkan dan bermanfaat. Aktiviti ini bertujuan menggalakkan semangat kesukanan, kerjasama berkumpulan, serta memperkuuh hubungan sosial dalam kalangan peserta.



Tarikh: 15 Jun 2025 (Ahad)

Tadika: Tadika Permata Keluarga Cherang Guling

Aktiviti: Happy Rocking Boat Craft

Penyertaan: 24 orang murid

Ringkasan Aktiviti:

Aktiviti kraftangan ini melibatkan murid-murid dalam menghasilkan bot yang boleh bergoyang (rocking boat) dengan kreativiti masing-masing. Ia bertujuan untuk melatih kemahiran kanak-kanak, meningkatkan daya imaginasi, serta memberi pengalaman menyeronokkan melalui pembelajaran berdasarkan projek.



Kampung Jambu Bongkok

Permata Tersorok
di Marang, Terengganu

Terletak di daerah Marang, Terengganu, **Kampung Jambu Bongkok** merupakan sebuah perkampungan nelayan tradisional yang kaya dengan nilai budaya, warisan, dan keindahan alam semula jadi. Dikenali dengan pantainya yang bersih dan damai, kampung ini menjadi pilihan utama bagi mereka yang ingin keluar daripada kesibukan di bandar.

Pantai Jambu Bongkok merupakan tarikan utama kampung ini. Suasannya yang tenang amat sesuai untuk aktiviti seperti berkelah, bersantai, mahupun fotografi, menjadikannya lokasi pilihan penggambaran serta tumpuan pelancong tempatan dan luar negara.




Oleh
**Khasidah
binti Mamat**

Di sepanjang pantai, terdapat deretan pondok rehat tradisional yang dikenali sebagai "Kalang"— dibina dan dinamakan oleh penduduk tempatan. Antaranya termasuk Kalang Pok Abas, Kalang Tokwang, Kalang Pok Su, Kalang Jatang, Kalang Jalil, Kalang Pok Jang, Kalang Buai dan banyak lagi. Setiap Kalang mempunyai cerita dan sejarah tersendiri yang menambah warna kepada identiti kampung ini.

Pelancong juga boleh menikmati pelbagai juadah tempatan seperti ikan celup tepung, udang goreng, mee sup dan banyak lagi, yang dijual di warung-warung kecil di sepanjang pantai. Harga yang berpatutan serta rasa yang autentik menjadikan pengalaman ini lebih bermakna.

Kampung Jambu Bongkok mengekalkan identiti kampung tradisional dengan deretan rumah nelayan kayu dan gaya hidup yang sederhana. Penduduknya terkenal dengan keramahan dan semangat gotong-royong yang masih kukuh diamalkan dalam kehidupan seharian.



artikel

Kemudahan asas turut tersedia termasuk masjid, Tadika KEMAS, sekolah rendah dan menengah, tandas awam serta kawasan parkir yang luas, menjadikan kampung ini selesa untuk dikunjungi.



Masjid Jambu Bongkok pula berperanan sebagai pusat aktiviti keagamaan dan komuniti, mencerminkan kekuatan spiritual serta perpaduan dalam kalangan penduduk.



Dengan keunikan dan keindahan yang dimilikinya, Kampung Jambu Bongkok sering menjadi lokasi pilihan bagi pelbagai pihak termasuk NGO, institusi pengajian tinggi, pempengaruh media sosial dan content creator untuk menjalankan program CSR, fotografi perkahwinan.



Video-video yang memaparkan pesona kampung ini kerap dikongsikan di platform seperti Facebook dan TikTok, menjadikannya semakin dikenali dalam kalangan masyarakat luar.



Kampung Jambu Bongkok bukan sekadar sebuah destinasi pelancongan, malah menjadi simbol warisan, jati diri dan semangat patriotik yang wajar dipelihara dan dipromosikan kepada generasi akan datang. Ia adalah permata tersembunyi Terengganu yang wajar diterokai dan dihargai oleh semua.

*Jambu
Bongkok*



quote

"Tahu kenapa senja itu menyenangkan?"



*"Kadang ia merah merekah bahagia,
kadang ia hitam gelap berduka,
tapi Langit selalu menerima senja apa adanya."*



buletin **salam**

PERBADANAN PERPUSTAKAAN
AWAM TERENGGANU

Jalan Kemajuan, Padang Hiliran,
21572 Kuala Terengganu,
Terengganu Darul Iman

© 2025 Hak Cipta Terpalihara



<https://trglib.gov.my>